

Ucapan Bekas Perdana Menteri Y.A.B. Tun Dr. Mahathir Bin Mohammad di Upacara Perasmian Kompleks JPA, Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur, Pada Hari Khamis, 2 Jun 1994, 9.30 am.



Assalamualaikum
Wabarakatuh

Warahmatullahi

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kerana menjemput saya untuk merasmikan Kompleks JPA pada hari ini.

2. Perasmian kompleks ini menandakan bermulanya satu era baru bagi sejarah JPA. Sejak awal penubuhannya, JPA terpaksa berpindah dari satu bangunan ke satu bangunan, di mana bahagian-bahagian di

bawahnya juga terpisah. Saya percaya dengan berpindahnya JPA ke kompleks baru ini, beberapa masalah yang dihadapi sebelum ini seperti sistem perhubungan, kenderaan, sewaan pejabat, ruang pejabat dan khidmat bantuan dapat diatasi. Dengan terkumpulnya seluruh warga JPA dan aktiviti JPA di bawah satu bumbung, ianya dapat menjimatkan kos, masa dan tenaga kerja. Mudah-mudahan ini akan menaikkan produktiviti JPA.

3. Selaras dengan kepesatan pembangunan negara sekarang, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk menyediakan kemudahan dan ruang pejabat yang lebih selesa kepada kakitangannya. Setiap tahun, peruntukan yang besar disediakan kepada agensi-agensi kerajaan bagi tujuan penyelenggaraan bangunan dan memperlengkapkan perabot-perabot. Oleh kerana nilai harta kerajaan dalam bentuk bangunan dan peralatan begitu besar, adalah penting semua agensi kerajaan memastikan aspek bangunan-bangunan serta harta-harta kerajaan yang lain diurus dan diselenggarakan dengan sempurna. Pengurusan dan penyelenggaraan yang sempurna akan meningkatkan jangka hayat harta berkenaan dan mengelakkan pembaziran.

4. Selain daripada penjagaan fizikal, dua aspek lagi yang harus dititikberatkan oleh ketua-ketua agensi ialah kepentingan menjaga kebersihan dan keperluan mengindahkan kawasan khususnya melalui lanskap yang baik dan penanaman pokok-pokok yang teratur. Persekitaran pejabat yang bersih dan terjaga rapi serta dipenuhi pohon-pohon menghijau boleh menghasilkan suasana persekitaran kerja yang tenteram dan nyaman untuk kakitangan kerajaan menjalankan tugas dengan lebih sempurna dan berkesan.

5. Tugas anggota-anggota Perkhidmatan Awam adalah sangat penting. Apa juga yang dibuat oleh tuan-tuan dan puan-puan mempunyai kesan terhadap masyarakat. Tuan-tuan dan puan-puan bertanggungjawab menangani masalah dan urusan hidup masyarakat serta menterjemah dan melaksanakan segala dasar dan pendekatan bagi memudahkan pertumbuhan ekonomi, menguatkuasakan undang-undang dan mewujudkan suasana yang menyumbang kepada keamanan negara dan perpaduan dalam negara. Dalam konteks ini, anggota-anggota Perkhidmatan Awam perlu mendahulukan kepentingan awam daripada kepentingan diri dan melaksanakan tugas dengan jujur, adil, bertanggungjawab dan cekap. Perlu wujud sikap 'akuntabiliti' di kalangan anggota Perkhidmatan Awam dalam semua tindakan demi menjaga kredibiliti Perkhidmatan Awam sebagai jentera kerajaan.

6. Keadaan persekitaran di mana Perkhidmatan Awam beroperasi sekarang telah banyak berubah sejak 30 tahun dahulu. Ini termasuklah jenis pelanggan, pekerja, sektor swasta, sistem maklumat dan sebagainya. Pelanggan-pelanggan Perkhidmatan Awam kini lebih terpelajar dan mempunyai pengharapan yang lebih tinggi terhadap kualiti, kecekapan dan keberkesanan khidmat yang diberikan. Mereka sedar akan hak mereka untuk mendapat layanan yang lebih adil dan munasabah daripada agensi-agensi kerajaan. Mereka memerlukan maklumat secara tepat mengenai keperluan-keperluan atau syarat-syarat yang mesti dipenuhi untuk mendapatkan sesuatu perkhidmatan, termasuk masa yang diperlukan untuk sesuatu urusan. Oleh itu, adalah penting setiap janji dalam Piagam Pelanggan yang ditetapkan oleh agensi-agensi dan jabatan-jabatan ditunaikan untuk memberikan keyakinan dan kepercayaan kepada orang ramai. Kita tidak mahu janji-janji kosong yang menjadi slogan sahaja hingga akhirnya orang awam akan hilang kepercayaan kepada keikhlasan dan kecekapan jabatan-jabatan kerajaan.

7. Hubungan baik dan saling memahami di antara pihak majikan dan pekerja adalah salah satu elemen penting bagi menjamin kemajuan negara. Setakat ini, hubungan perusahaan dalam sektor awam boleh dikatakan baik dan semangat ini harus terus dipupuk.

8. Sesuai dengan konsep masyarakat penyayang, perkhidmatan penyayang juga patut dikembangkan. Ketua-ketua jabatan patutlah memberi perhatian kepada masalah yang dibangkitkan oleh kakitangan di bawah mereka dan kesatuan sekerja. Sikap prihatin ketua jabatan kepada kakitangan akan menimbulkan rasa puashati di kalangan mereka. Kita semua tahu bahawa pekerja yang berpuashati adalah pekerja yang produktif. Ini bererti keadaan harmoni yang wujud di antara pihak kakitangan dan ketua jabatan akan membolehkan kita menumpukan sepenuh tenaga terhadap kerja-kerja substantif yang sekaligus akan meningkatkan terus kecekapan dan produktiviti kita.

9. JPA sebagai agensi yang menguruskan kakitangan kerajaan tentulah sedar akan kesan sumbangan tenaga manusia terhadap kejayaan sesuatu pertubuhan

atau negara. Jepun, Korea Selatan dan Switzerland adalah negara-negara yang miskin daripada segi sumber alam semulajadi tetapi berjaya mencapai kejayaan dalam bidang ekonomi kerana mempunyai tenaga manusia yang terlatih, berdisiplin, rajin dan inovatif. Di sebaliknya, negara-negara yang kaya dengan sumber alam semulajadi masih mundur kerana mempunyai rakyat yang tidak bertenaga, baik daripada segi daya usaha atau kecekapan. Objektif asas pembangunan sumber manusia ialah untuk membolehkan tenaga manusia itu digunakan secara yang maksima. Berdasarkan kepentingan tersebut, pembangunan sumber manusia daripada segi sikap dan kecekapan hendaklah dijadikan agenda utama dalam Perkhidmatan Awam.

10. Bagi membawa perubahan yang dikehendaki ini, pendekatan utama adalah menerusi latihan, terutama berkenaan sikap terhadap kerja. Latihan juga penting untuk menambah pengetahuan dan kemahiran atau menajamkan bakat yang sedia ada pada seseorang. Pada masa ini, terdapat berbagai-bagai bentuk latihan seperti latihan sebelum perkhidmatan, latihan dalam perkhidmatan dan latihan semasa bekerja yang dikendalikan oleh kementerian dan agensi-agensi kerajaan. Walau apapun bentuk latihan yang dijalankan, kurikulum yang dirangka harus dipastikan dapat memenuhi keperluan semasa atau keperluan akan datang. Ini penting supaya latihan yang diberikan itu relevan dengan kehendak dan keperluan negara. Selain daripada latihan secara formal, 'self learning' juga boleh memperbaiki kebolehan seseorang. Membaca, misalnya, dapat memperkayakan pengetahuan seseorang tanpa latihan formal. Tabiat suka membaca ini perlu digalakkan di kalangan seluruh anggota Perkhidmatan Awam.

11. Dalam era yang serba canggih dan moden ini, maklumat yang tepat dan kemaskini sangat penting dalam apa organisasi sekalipun. Maklumat sangat perlu dalam proses membuat keputusan. Justeru itu, 'information explosion' atau ledakan teknologi maklumat harus diperalatkan ke tahap maksima. Kemajuan dalam teknologi maklumat yang sedang wujud sekarang membuatkan proses manual dan sistem fail dahulu sebagai sistem utama di pejabat-pejabat kerajaan menjadi lapuk dan ketinggalan zaman. Oleh itu, adalah amat mustahak bagi agensi-agensi kerajaan meningkatkan kecekapan penggunaan sistem maklumat supaya kita boleh membuat keputusan yang tepat dan cepat bagi memenuhi matlamat dan wawasan organisasi. Untuk ini semua kakitangan kerajaan hendaklah menjadi 'computer literate' dalam bidang yang ada kaitan dengan kerja masing-masing. Dengan jenis 'software' yang ada sekarang, siapa sahaja boleh menggunakan komputer.

12. Satu masalah utama dalam usaha kita membawa perubahan ialah usaha itu kerap kali tidak berterusan dan tiada berkesinambungan. Dengan perkataan lain, perubahan dibuat sekali dan kemudian berhenti. Dalam masyarakat Jepun, terdapat konsep yang dipanggil 'kaizen' yang bermaksud penyempurnaan dan peningkatan prestasi sepanjang masa, iaitu berusaha setiap masa untuk mencapai tahap yang lebih sempurna. Oleh itu, kita dapati industri Jepun telah dapat menghasilkan barangan yang sepanjang masa menjadi lebih baik daripada

yang terdahulu dan sudah tentu lebih baik daripada keluaran negara-negara lain yang kerap berpuashati dengan prestasi asal.

13. Konsep 'kaizen' ini patut dijadikan sebahagian daripada budaya kerja Perkhidmatan Awam. Kita tidak perlu menunggu lima tahun atau sepuluh tahun untuk membuat perubahan selepas perubahan terakhir diperkenalkan. Setiap anggota Perkhidmatan Awam patutlah sentiasa berfikir dan merancang untuk memperbaiki kaedah kerja dan perkhidmatannya. Kita harus mengakui bahawa pembaikan atau 'improvement' tidak ada hadnya... 'there is no limit to the pursuit for excellence'. Jika kita berusaha menyemak dan membuat penyelidikan, kita akan menemui cara-cara baru yang lebih baik sepanjang masa.

14. Bila kerajaan memutuskan bahawa sektor swasta seharusnya mengambil alih peranan selaku 'the engine of growth' dalam proses pembangunan negara, ianya tidak bermakna Perkhidmatan Awam sudah tidak ada peranan. Peranannya telah diubah kepada yang lebih sesuai, iaitu selaku penyelaras dan pemudahcara yang akan bertanggungjawab memberi khidmat sokongan dan penyeliaan kepada sektor swasta, menyediakan jentera pengurusan pembangunan, menyediakan sokongan infrastruktur sosial dan fizikal dan menjalankan pengurusan ekonomi dan sosio-ekonomi, termasuk penyusunan semula masyarakat. Kementerian, jabatan dan agensi-agensi kerajaan juga bertanggungjawab menyediakan garis panduan untuk pelaksanaan, menjadi penyebar dana dan menyediakan 'linkages' antara berbagai-bagai pihak termasuk pihak-pihak dari luar negeri.

15. Peranan sektor swasta pula ialah sebagai pelaksana yang akan menggerak dan menghidupkan perjalanan ekonomi. Dalam konsep persyarikatan Malaysia, Perkhidmatan Awam dan kegiatan pihak swasta adalah 'complementary' dan 'mutually supportive'. Sepertimana swasta tidak dapat bergerak cergas tanpa khidmat cekap sektor awam, sektor awam pula tidak dapat didirikan dengan sempurna tanpa sektor swasta. Lebih maju sektor swasta lebih baiklah pembiayaan sektor awam.

16. Satu lagi cabaran bagi Perkhidmatan Awam masa kini ialah keupayaan untuk menegakkan maruah dan kepentingan negara di arena antarabangsa. Negara kita pada masa ini berada di persimpangan yang sangat kritikal. Berakhirnya zaman pertelingkahan antara dua kuasa besar, meletakkan negara-negara Islam sebagai sasaran dalam kancah politik dunia. Daripada aspek yang lain pula, negara-negara Pesisir-Pasifik termasuk Malaysia menjadi perhatian dunia akibat pertumbuhan ekonominya yang begitu pesat berbanding dengan kawasan-kawasan lain di dunia. Dua perkembangan ini memerlukan negara kita bergerak aktif dan dinamik untuk memastikan kebebasan maruah serta peluang kita tidak digugat oleh mana-mana pihak. Bagi mencapai hasrat ini, pegawai-pegawai kerajaan yang mewakili Malaysia dalam persidangan-persidangan di peringkat antarabangsa mestilah berani dan mempunyai keupayaan yang tinggi untuk menyuarakan pandangan dan pendirian kita dalam setiap perundingan secara

jelas dan lantang. Penguasaan sekurang-kurangnya satu bahasa asing adalah penting bagi perjalanan khidmat awam.

17. Saya bangga bila Jabatan Perkhidmatan Awam telah menetapkan wawasannya untuk menjadikan Perkhidmatan Awam Malaysia yang terunggul di dunia. Saya pasti perubahan-perubahan dan langkah-langkah yang disebutkan tadi akan diambilkira dalam usaha mencapai wawasan tersebut. Insya-Allah, jika kita mempunyai semangat, yakin dan percaya kepada kemampuan kita, wawasan tersebut akan menjadi kenyataan. 18. Dengan ini, saya dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim dan dengan sukacitanya merasmikan Kompleks Jabatan Perkhidmatan Awam ini. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Pejabat Perdana Menteri Kuala Lumpur.